

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN V. SIVAKUMAR [ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan V. SIVAKUMAR [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sama ada kementerian mempunyai apa-apa cadangan atau strategi untuk menjadikan Stesen Keretapi Batu Gajah lama sebagai satu pusat daya tarikan pelancong ke kawasan ini. Berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan untuk projek berkenaan.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan masih belum mempunyai cadangan untuk menjadikan Stesen Keretapi Batu Gajah lama sebagai tarikan pelancongan baru memandangkan fizikal kawasan tersebut mungkin sesuai dikekalkan bagi tujuan penggambaran filem atau seumpamanya. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah melaksanakan projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Kellie Castle bernilai RM 5 juta tidak jauh dari stesen keretapi tersebut yang sehingga kini berjaya melonjakkan kedatangan pelancong ke Daerah Batu Gajah khususnya dan Perak amnya.

Selain itu, Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara juga telah menjalankan penyelidikan terhadap Stesen Keretapi Batu Gajah lama. Walau bagaimanapun, didapati tapak tersebut tiada signifikansi sejarah dan nilai warisan untuk dijadikan sebagai tapak warisan mengikut kriteria di bawah Seksyen 67 Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645].

Sekian, terima kasih.